KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 8 OKTOBER 2023

## LAPORAN HARIAN

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **GANGGUAN MENTAL GOLONGAN MAHASISWA MASIH TERKAWAL** | |
| | https://suarasarawak.my/gangguan-mental-golongan-mahasiswa-masih-terkawal/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **HOME-BASED BUSINESS TRAINING AIDS THOUSANDS OF WOMEN** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/home-based-business-training-aids-thousands-of-women/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **SURUHANJAYA KANAK-KANAK DIJANGKA DIBAHAS BULAN INI** | |
| | https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017335/suruhanjaya-kanak-kanak-dijangka-dibahas-bulan-ini | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282999/berita/nasional/suruhanjaya-kanak-kanak-dibahas-bulan-ini---azalina | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=HQovPnVwaYE | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **AKTA SURUHANJAYA KANAK-KANAK AKAN DIBAHAS SESI MESYUARAT KABINET BULAN INI- AZALINA** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70600-akta-suruhanjaya-kanak-kanak-akan-dibahas-sesi-mesyuarat-kabinet-bulan-ini-azalina | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=QH3HkogKr7Y | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=5HlOq_J4HnA | YOUTUBE |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **MASW, UNICEF SEEK TO ENACT 'SOCIAL WORK PROFESSION BILL' TO SUPPORT VITAL ROLE OF SOCIAL WORKERS** | |
| | https://www.therakyatpost.com/news/2023/10/07/masw-unicef-seek-to-enact-social-work-profession-bill-to-support-vital-role-of-social-workers/ | THERAKYATPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PUSING MALAYSIA KUMPUL DANA BANTU PESAKIT KANSER** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017337/pusing-malaysia-kumpul-dana-bantu-pesakit-kanser | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinardaily.my/article/210035/malaysia/national/breast-cancer-patient-goes-on-solo-scooter-tour-to-raise-funds | SINARDAILY.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/breast-cancer-patient-goes-on-solo-scooter-tour-to-raise-funds-OM11591816 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **PROGRAM PUTERI BELANTARA USM, SERLAH KEPIMPINAN ANAK DESA** | |
| | https://www.utusan.com.my/gaya/kampus/2023/10/program-puteri-belantara-usm-serlah-kepimpinan-anak-desa/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KERJASAMA PELBAGAI AGENSI BANTERAS ISU PENGEMIS WARGA ASING** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017317/kerjasama-pelbagai-agensi-banteras-isu-pengemis-warga-asing | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/polis-kerjasama-dengan-agensi-tangani-isu-pengemis/ | UTUSAN.COM.MY |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **HARGA BARANG TERLALU MAHAL, BANTUAN KERAJAAN TAK CUKUP, KELUH ASNAF** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/07/harga-barang-terlalu-mahal-bantuan-kerajaan-tak-cukup-keluh-asnaf/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/07/maiwp-selaraskan-bantuan-elak-pertindihan-dan-keciciran/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283023/berita/nasional/bantuan-kepada-golongan-miskin-perlu-diselaras---mohd-naim | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70572-maiwp-selaras-bantuan-kepada-asnaf-dan-gelandangan-sekitar-ibu-negara | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161715/selaras-agihan-bantuan-asnaf-elak-pertindihan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/07/mgnews-kerjasama-maiwp-jkm-dan-dbkl-membolehkan-lebih-banyak-rumah-transit-dibina/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=w7szBIlOOM8 | YOUTUBE |
| | https://www.thesundaily.my/home/mohd-na-im-bantuan-kepada-golongan-miskin-tegar-perlu-diselaras-GM11592361 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/mohd-naim-more-systematic-orderly-effective-system-required-to-help-the-homeless-HM11592566 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2232460 | BERNAMA.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/07/minister-says-more-systematic-orderly-effective-system-required-to-help-the-homeless-in-kl/94938 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **SEORANG PESERTA WANITA IRONMAN LANGKAWI DIDAKWA KRITIKAL** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1162056/seorang-peserta-wanita-ironman-langkawi-didakwa-kritikal | BHARIAN.COM.MY |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **POLIS SIASAT DAKWAAN WANITA DIPERLEKEH KETIKA BUAT LAPORAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283105/berita/semasa/polis-siasat-dakwaan-wanita-diperlekeh-ketika-buat-laporan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/07/polis-siasat-wanita-dakwa-diperlekeh-anggota-ketika-buat-laporan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **DUA WANITA MAUT, PIKAP JATUH SUNGAI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017442/dua-wanita-maut-pikap-jatuh-sungai | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/dua-wanita-maut-pikap-jatuh-sungai/ | BULETINTV3.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70619-dua-wanita-maut-selepas-pikap-jatuh-sungai | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **PEKIN BELASAH KRU PRODUKSI INTAI PELAKON WANITA** | |
| | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/10/1161780/pekin-belasah-kru-produksi-intai-pelakon-wanita | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/10/1017398/pekin-ibrahim-belasah-kru-produksi-intai-pelakon-wanita | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **WANITA GENIT BERSYUKUR ANAK MEMBESAR DENGAN SEMPURNA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282947/edisi/terengganu/wanita-genit-bersyukur-anak-membesar-dengan-sempurna | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-genit-bersyukur-anak-membesar-dengan-sempurna-440671 | ASTROAWANI.COM |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **RAPID RAIL TELITI TATA CARA OPERASI KOC WANITA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rapid-rail-teliti-tata-cara-operasi-koc-wanita-440693 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2232416 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **WARGA ASING CABUL KANAK-KANAK DI PASAR RAYA DITUDUH DI MAHKAMAH** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/10/07/warga-asing-cabul-kanak-kanak-di-pasar-raya-dituduh-di-mahkamah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **LINDUNGI MINDA KANAK-KANAK DARIPADA KETAGIHAN AKTIVITI, PERMAINAN DALAM TALIAN** | |
| | https://www.astroawani.com/gaya-hidup/lindungi-minda-kanakkanak-daripada-ketagihan-aktiviti-permainan-dalam-talian-440651 | ASTROAWANI.COM |
| | https://bernama.com/bm/news.php?id=2232369 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/lindungi-minda-kanak-kanak-daripada-ketagihan-aktiviti-permainan-dalam-talian-GM11590464 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **APA CARA ELAKKAN TERLUPA ANAK DALAM KERETA?** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161789/apa-cara-elakkan-terlupa-anak-dalam-kereta | BHARIAN.COM.MY |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **BAYI MAUT DALAM KERETA, POLIS BUKA KERTAS SIASATAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-maut-dalam-kereta-polis-buka-kertas-siasatan-440679 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017309/polis-beri-ruang-ibu-bapa-bayi-tertinggal-dalam-kereta-bertenang | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/10/07/bayi-8-bulan-maut-beri-mereka-ruang-keterangan-akan-diambil-selepas-ini-allaudeen/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/282975/berita/semasa/bayi-lapan-bulan-maut-polis-akan-rakam-keterangan-ibu-bapa-mangsa | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/07/kes-bayi-tertinggal-dalam-kereta-polis-beri-ruang-ibu-bapa-berduka/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kertas-siasatan-kes-bayi-maut-dalam-kereta-sudah-dibuka-kpkl-x8on0r4 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=C3M9dl3Pco8 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=rl4UN5ZVMu4 | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/polis-panggil-ibu-bapa-bayi-mati-ditinggal-7-jam/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **MURNI HATI NURANIZA JAGA GADIS OKU WALAU DIRI SENDIRI SUSAH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1017280/murni-hati-nuraniza-jaga-gadis-oku-walau-diri-sendiri-susah | HMETRO.COM.MY |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **OKU, KEMBAR SEIRAS ANTARA PELAJAR BAHARU USIM** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/oku-kembar-seiras-antara-pelajar-baharu-usim/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **RUMAH TERBAKAR, OKU LIMA SEKELUARGA TINGGAL SEHELAI SEPINGGANG** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/07/rumah-terbakar-oku-lima-sekeluarga-tinggal-sehelai-sepinggang | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **SEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA GOLONGAN OKU – WILFRED YAP** | |
| | https://suarasarawak.my/sediakan-peluang-pekerjaan-kepada-golongan-oku-wilfred-yap/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WARGA EMAS RUGI RM717,050 TERPEDAYA PELABURAN KRIPTO TIDAK WUJUD** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283111/berita/semasa/warga-emas-rugi-rm717050-terpedaya-pelaburan-kripto-tidak-wujud | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-lebih-rm700000-akibat-pelaburan-kripto-tidak-wujud-440779 | ASTROAWANI.COM |

8/10/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **WARGA EMAS MENINGGAL DUNIA, VAN REMPUH KENDERAAN DI LAMPU ISYARAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/warga-emas-meninggal-dunia-van-rempuh-kenderaan-di-lampu-isyarat/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/283080/berita/semasa/lelaki-warga-emas-maut-dirempuh-ketika-berhenti-di-lampu-isyarat | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-dirempuh-van/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **WARGA EMAS DILAPORKAN HILANG KETIKA CARI SAYUR DI HUTAN DIJUMPAI MATI** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/07/warga-emas-dilaporkan-hilang-ketika-cari-sayur-di-hutan-dijumpai-mati | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70624-warga-emas-hilang-cari-sayur-di-hutan-ditemukan-meninggal | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://suarasarawak.my/lelaki-warga-emas-dilaporkan-hilang-mencari-sayur-ditemui-meninggal-dunia/ | SUARASARAWAK.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'IBU DITIDURJAN, BELUM TAHU ABANG MAUT NAHAS' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Ibu ditidurkan, belum tahu abang maut nahas'

## Jenazah pemandu Mufti Kelantan selamat dikebumikan

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Ibu kepada mangsa kemalangan maut di Kilometer 38 Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dekat Bukit Belah masih belum mengetahui kejadian menimpa anak sulungnya, Nik Mohammad Ahzan Mohd Nawi, 41.

Menurut adik arwah, Nik Nurul Shazelin Mohd Nawi, 31, ibunya, Nik Zabidah Awang, 61, ditidurkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas lebih sebulan dimasukkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.

Katanya, oksigen di dalam badan ibunya semakin berkurangan akibat penyakit kronik, komplikasi buah pinggang, kencing manis dan juga kuman dalam paru-paru.

"Lebih menyedihkan, pada hari sama ibu ditidurkan, selang 11 jam kemudian kami dimaklumkan abang terbabit dalam kemalangan dan meninggal dunia.

"Hanya Allah SWT yang tahu perasaan kami adik beradik yang perlu berhadapan situasi sedih, pada masa sama, memikirkan keadaan ibu yang sedang bertarung nyawa. Namun, kami perlu reda," katanya di Kampung Pasir Kasar, di sini, semalam.



*Nik Nurul Shazelin menunjukkan gambar Nik Mohammad Ahzan ketika ditemui di Kampung Pasir Kasar, Kota Bharu, semalam.*
(Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

Kelmarin, pemandu Mufti Kelantan maut dalam kemalangan membabitkan tiga motosikal dan sebuah kereta di Kilometer 38 Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dekat Bukit Belah, pada jam 9 malam.

Nik Mohammad Ahzan yang menunggang motosikal dan maut di lokasi kejadian akibat kecederaan di kepala.

Turut maut dalam kemalangan itu ialah pembonceng motosikal, Muhammad Syawal Asyraf Muhammad Safuan, 10 tahun.




*Keratan akhbar BH, semalam.*

### Arwah banyak termenung

Nik Nurul Shazelin berkata, beliau mengetahui kemalangan yang meragut nyawa abang sulungnya itu selepas dihubungi oleh seorang abangnya pada jam 9.30 malam selepas pulang dari melawat ibunya di hospital.

Beliau berkata, beberapa hari sebelum arwah abangnya terbabit dalam kemalangan, kakak iparnya, Nor Liana Aziz, 37, ada memaklumkan arwah banyak termenung.

"Arwah abang juga sering kali menyatakan hasratnya untuk berpindah ke Kota Bharu selepas 13 tahun bertugas di jabatan kerajaan di Machang," katanya.

Jenazah arwah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pasir Kasar dan solat jenazah diimamkan oleh Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘BERDEPAN DUA BERITA SEDIH SERENTAK’ | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## IBU DITIDURKAN DI HOSPITAL, ABANG MAUT NAHAS

# ‘Berdepan dua berita sedih serentak’

**Kota Bharu:** Ibu pemandu Mufti Kelantan yang maut nahas di Kilometer 38 Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dekat Bukit Belah, Jumaat lalu belum mengetahui kejadian menimpa anak sulungnya, Nik Mohammad Ahzan Mohd Nawi, 41, kerana ditidurkan.

Menurut adik arwah, Nik Nurul Shazelin Mohd Nawi, 31, ibunya, Nik Zabidah Awang, 61, ditidurkan akibat penyakit kronik di Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas lebih sebulan dimasukkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.

Katanya, doktor menidurkan ibunya disebabkan oksigen di dalam badan semakin berkurangan akibat penyakit kronik, komplikasi buah pinggang, kencing manis dan kuman dalam paru-paru.

“Lebih menyedihkan, pada hari sama ibu ditidurkan, selang 11 jam kemudian kami dimaklumkan abang terbabit kemalangan dan meninggal dunia di lokasi kejadian.

“Ketika itu, hanya Allah SWT yang mengetahui bagaimana perasaan kami adik-beradik yang perlu berhadapan situasi sedih dan pada masa sama memikirkan keadaan ibu yang bertarung nyawa, namun kami perlu reda,” katanya ketika ditemui di Kampung Pasir Kasar di sini, semalam.

Media kelmarin melaporkan, pemandu Mufti Kelantan disahkan antara dua yang maut dalam kemalangan membabitkan tiga motosikal dan kereta di Kilometer 38 Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dalam nahas jam 9 malam.

Nik Mohammad Ahzan yang menunggang Yamaha Y-15 maut di lokasi kejadian akibat kecederaan di kepala.

Turut maut pembonceng motosikal Yamaha LC135, Muhammad Syawal Asyraf Muhammad Safuan, 10.

Bercerita lanjut, Nik Nurul Shazelin berkata, dia mengetahui kemalangan yang meragut nyawa abang sulung itu selepas dihubungi seorang lagi abang jam 9.30 malam selepas pulang melawat ibu di hospital.

“Abang mengetahui kemalangan itu selepas rakan yang juga anggota polis memberitahunya sebaik melihat nama pada kad pengenalan arwah,” katanya.

Nik Nurul Shazelin berkata, beberapa hari sebelum arwah abang terbabit kemalangan, kakak ipar, Nor Liana Aziz, 37, memaklumkan arwah menjadi pendiam selain banyak termenung.

“Pada masa sama, arwah abang sering menyatakan hasrat berpindah ke Kota Bharu selepas 13 tahun bertugas di sebuah jabatan kerajaan di Machang.

“Pada malam kejadian, kami dimaklumkan wang bertaburan di jalan dan orang ramai mengambil wang itu dan dimasukkan semula ke dalam beg arwah.

“Mungkin wang itu baru dikeluarkan arwah abang dari mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan sepatutnya mereka membeli uniform sekolah,” katanya.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pasir Kasar pada jam 3 petang kelmarin dan solat jenazah diimamkan oleh Mufti Kelantan Datuk Mohamad Shukri Mohamad.



**MOTOSIKAL** ditunggang arwah.



NIK Nurul Shazelin menunjukkan gambar arwah Nik Mohammad Ahzan yang maut dalam kemalangan.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TAK NAK DIA JADI MANGSA' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MOHD Na'im (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan ketika Program Jejak Gelandangan Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan kerjasama Pertubuhan Jejak Jalanan di Chow Kit, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

# 'TAK NAK DIA JADI MANGSA'

## *Wanita rela bela gadis lembam dalam kehidupan keluarga sendiri serba daif*

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Walaupun hidup dalam kemiskinan tegar, ia sama sekali bukan halangan buat seorang wanita berhati murni menjaga seorang gadis yang juga orang kurang upaya (OKU) sejak tiga tahun lalu.

Nuraniza Nisar, 30, berkata, dia tidak sampai hati melihat gadis berusia 22 tahun itu hidup terumbang-ambing tanpa penjagaan ahli keluarga.

"Saya tak mahu dia terus hanyut dan jadi mangsa sesiapa yang mahu ambil kesempatan terhadapnya.

"Memandangkan dia sebatang kara, saya bawa dia tinggal bersama, suami serta tiga anak kami berusia antara tiga hingga tujuh tahun di bilik sewa kecil di Chow Kit.

"Saya tahu hidup kami juga susah kerana tidak bekerja. Saya hanya bergantung kepada bantuan serta gaji suami RM700 sebulan hasil menjual sayur.

"Namun, saya nekad memberikan tempat tinggal, menjaga makan minum gadis OKU itu. Saya beri pakaian kerana kasihan dia asyik memakai baju sama," katanya.

Nuraniza antara tiga keluarga asnaf dikunjungi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Terdahulu, Mohd Na'im turun padang dalam Program Jejak Gelandangan yang diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Jejak Jalanan di Chow Kit, di sini, awal pagi semalam.

Nuraniza berkata, masalah lembam dialami gadis itu menyebabkan dia bersikap keanak-anakan dan dilayan seperti budak.

"Jika dilihat dari segi perbezaan umur, lebih sesuai dia panggil saya kakak tetapi sikapnya yang kebudak-budakan itu menyebabkan saya rasa dia seperti anak.

"Disebabkan itu, saya biasakan dia panggil saya 'umi' dan sehingga kini, saya layannya seperti anak sendiri," katanya.

Tindakan murni Nuraniza menjaga gadis OKU itu mendapat pujian Mohd Na'im yang menyifatkan perbuatan itu sebagaiperkara menggembirakannya.

**"Memandangkan dia sebatang kara, saya bawa dia tinggal bersama, suami serta tiga anak kami berusia antara tiga hingga tujuh tahun di bilik sewa kecil di Chow Kit."**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAIWP CARI JALAN SELESAI MASALAH KESELAMATAN GALANDANGAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# MAIWP cari jalan selesai masalah keselamatan gelandangan

**Kuala Lumpur:** Isu keselamatan golongan gelandangan antara perkara dititikberatkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku kepada golongan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, pihaknya sedia maklum dengan beberapa insiden terhadap golongan gelandangan seperti penemuan mayat serta kes pukul dilaporkan baru-baru ini.

"Apa yang mereka perlukan adalah tempat berlindung, Mereka terdedah kepada pelbagai karenah selain isu seperti gelandangan uzur.

"Sebagai manusia biasa, mereka mungkin ada buat silap seperti terambil barangan orang lain. Ini menyebabkan ada yang marah sehingga memukul," katanya pada Program Jejak Gelandangan yang diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Jejak Jalanan di Chow Kit di sini, semalam.

Mohd Na'im berkata, pihaknya meneliti permasalahan berkenaan dan berusaha mencari tempat perlindungan kepada golongan gelandangan.

"Kalau boleh, kita mahu cari tempat untuk mereka berteduh, berlindung dan duduk di rumah selesa.

"Selain itu, anak mereka juga rasa selamat dan dapat jaga kebersihan apabila duduk di rumah berbanding berada di jalanan.

"InsyaAllah isu keselamatan (golongan gelandangan) dapat diatasi dan pihak MAIWP sedang uruskan," katanya.

> "Apa yang mereka perlukan adalah tempat berlindung
> Mohd Na'im

Beliau berkata, pihaknya menerusi MAIWP bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membantu golongan gelandangan dan asnaf di ibu kota ini.

"Ada banyak kerjasama yang kita boleh buat dengan agensi ini termasuk dari segi peruntukan dan penyaluran bantuan kepada golongan terbabit.

"Pada asasnya, saya setuju MAIWP sebagai peneraju penyelarasan penyampaian sumbangan kepada golongan terkesan bagi mengelakkan berlaku pertindihan," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MISI GEMBIRAKAN ANAK! | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH : | 08 OKT 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# MISI GEMBIRAKAN ANAK!

## *Posmen hantar barang ambil kesempatan tolak kerusi sorong anak OKU pada hari sukan*

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my





NOR Ismail menolak anaknya, Noor Amira (kanan) yang duduk di kereta sorong ketika menyertai acara larian di padang sekolah. Gambar kecil, Nor Ismail bersama isteri, Noor Aishah Saad dan Noor Amira yang berstatus OKU fizikal sejak lahir.

**Sungkai**

Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah masa berada. Itu menggambarkan kegigihan Nor Ismail Mohd Sanusi yang menolak anak istimewanya di dalam kereta sorong hingga ke garisan penamat dalam acara larian di padang sekolah pada Khamis lalu.

Insiden dua beranak itu mendapat perhatian selepas video mereka dimuat naik pengguna TikTok, Shafiq Mokhtar.

Berkongsi kisah sebenar, Nor Ismail, 38, yang bekerja sebagai posmen ketika itu mencuri masa seketika untuk menemani anak tunggalnya, Noor Amira Adira, 8.

"Ini kali kedua anak saya turut serta dalam acara larian itu dan tahun lalu, saya hanya berkesempatan tengok dia turut serta daripada dalam van saja.

"Tahun ini, saya bekerja, tetapi kebetulan pelanggan ada di padang jadi singgah sekejap untuk beri semangat kepada anak.

"Alang-alang ada di situ, saya minta izin dengan cikgu untuk tolak anak yang duduk dalam kereta sorong dan Alhamdulillah, cikgu benarkan.

"Walaupun sekejap, saya rasa gembira sangat begitu juga dengan anak kerana pulang ke rumah, dia terus bercerita dengan ibu dan datuknya betapa seronok dia apabila saya datang menolaknya," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

> *"Alang-alang ada di situ, saya minta izin dengan cikgu untuk tolak anak yang duduk dalam kereta sorong dan Alhamdulillah, cikgu benarkan"*
>
> **Nor Ismail Mohd Sanusi**

Berkongsi perihal Noor Amira, Nor Ismail berkata, anaknya dilahirkan sebagai orang kurang upaya (OKU) fizikal akibat masalah lemah pinggang dan kini bersekolah di aliran Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Besout di sini.

Disebabkan itu, Noor Amira hilang keupayaan berjalan walaupun kakinya normal.

"Memandangkan Amira (nama panggilan) adalah anak sulung kami maka saya dan isteri tiada pengalaman uruskan OKU.

"Cuma kebetulan saya ada seorang rakan yang kerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jadi dia beri bimbingan berdasarkan pengalamannya.

"Buat masa ini, Amira masih ada temu janji dengan hospital bagi menjalani sesi fisioterapi dan cara kerja.

"Menurut jururawat, anak saya ada peluang berjalan dan itu yang diharapkan selain tunaikan impiannya untuk ke Legoland kerana dia pernah beberapa kali nyatakan hasrat ke sana," katanya.

Nor Ismail tidak menyangka ramai beri kata semangat dan mendoakan mereka selepas menontonnya di laman sosial.

"Terharu sampai terkedu saya dibuatnya dengan sokongan dan doa dititipkan orang ramai.

"Terima kasih saya ucapkan dan Amira ada tengok video itu sampai menitik air matanya hingga berulang kali cakap terima kasih papa kepada saya. Itu yang buat saya jadi sebak kerana tahu dia nak sangat sertai acara larian itu tempoh hari, malah nampak minatnya (dalam sukan) kerana kebelakangan ini kerap tengok saluran sukan di televisyen sempena Sukan Asia," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MUDA-MUDA DAH JADI SCAMMER | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# MUDA-MUDA DAH JADI SCAMMER

## *Remaja 14 tahun bersama enam lelaki terbabit penipuan dalam talian ditahan di kondominium*

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Baru berusia 14 tahun namun memiliki kemahiran mengendalikan pusat panggilan penipuan dalam talian dengan mengaut keuntungan RM13 juta sebulan.

Kegiatan remaja itu bersama enam lelaki lain dibongkar selepas polis menyerbu dan menumpaskan sindiket penipuan dalam talian beroperasi di dua kediaman kondominium di Salak Selatan di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Cheras Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, pihaknya membuat serbuan di dua premis berkenaan yang dijadikan pusat panggilan bagi kegiatan penipuan dalam talian pada jam 1 petang.

"Dalam serbuan itu, tujuh lelaki tempatan berusia antara 14 hingga 40 tahun ditahan kerana dipercayai terbabit kegiatan penipuan judi dalam talian.

"Remaja berusia 14 tahun yang ditahan dalam serbuan itu bekerja di pusat panggilan berkenaan dan tidak bersekolah.

"Kami merampas 14 monitor, tujuh unit pemprosesan komputer (CPU), 18 telefon bimbit pelbagai jenama dan tiga modem," katanya semalam.

Zam Halim berkata, siasatan mendapati premis itu digunakan untuk mempromosikan judi dalam talian dengan menyasarkan individu tempatan dan warga asing.

"Transaksi kemasukan kredit bagi sindiket perjudian itu dianggarkan sekitar RM13 juta sebulan sejak beroperasi April lalu.

"Semua individu terbabit direman hingga 9 Oktober ini (esok) untuk siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 120(B)/420 Kanun Keseksaan dan Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953," katanya.

Beliau menyeru orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan membabitkan sindiket sedemikian kepada polis.

"Orang ramai boleh menghubungi Hotline Polis Cheras di talian 03-92845050/5051, Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-21159999 atau mana-mana balai berhampiran," katanya.







ANTARA barang dipercayai digunakan bagi kegiatan penipuan dalam talian yang dirampas dalam serbuan di dua kediaman kondominium di Salak Selatan, Kuala Lumpur.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PANTAU PECEROBOH KOC WANITA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pantau penceroboh koc wanita




**SUKARELAWAN** Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) yang digelar Troopers dan Polis Bantuan membuat pemantauan secara berkala di dalam tren dan di stesen termasuk bagi mengenal pasti mereka yang 'menceroboh' koc wanita ketika tinjauan di Aliran Transit Massa (MRT) Laluan Kajang.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEJUANG KANSER PUSING MALAYSIA PUNGUT DANA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 08 OKT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pejuang kanser pusing Malaysia pungut dana

**Putrajaya:** Walaupun disahkan menghidap kanser payudara tahap empat pada Jun 2021, Sarlinawati Abdul Mues tidak patah semangat untuk melakukan kembara motosikal secara solo mengelilingi Semenanjung Malaysia bagi mengumpul dana untuk Projek Bra Prostesis dan Mastektomi anjuran Cancer Survivor Malaysia (CSM).

Sarlinawati, 47, atau nama panggilannya Nina akan ditemani skuter WM ES250i miliknya untuk kembara kira-kira 3,000 kilometer selama 24 hari itu yang bermula di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya pada 2 Oktober lalu dan bakal berakhir di Ipoh, Perak.

"Projek ini bertujuan membantu meringankan beban kira-kira 100 pesakit kanser payudara yang kurang berkemampuan untuk membeli alat silikon berbentuk payudara, yang dianggarkan bernilai RM2,000," katanya semasa majlis pelepasan Kembara Solo Cancer Fighter di IKN itu baru-baru ini.

Sarlinawati berkata, antara pengisian sepanjang kembara itu ialah menyantuni pesakit kanser yang sedang mendapat rawatan di fasiliti kesihatan serta kediaman mereka, selain menyampaikan ceramah




**SARLINAWATI pada majlis pelepasan kembara motosikal secara solonya yang bermula di Institut Kanser Negara (IKN).**

motivasi kepada pesakit kanser menerusi beberapa sesi yang dirancang di negeri-negeri yang dilawati.

Ibu tunggal kepada anak perempuan berusia 27 tahun itu berkata antara lokasi kediaman pesakit yang akan disantuni ialah di Rompin dan Pekan, Pahang; Kemaman di Terengganu; Wakaf Bharu di Kelantan; dan fasiliti kesihatan seperti Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Hospital Sultanah Aminah di Johor, Pusat Rawatan KMC di Perak dan Hospital Sungai Buloh, Selangor.

Berkongsi cetusan idea bagi melakukan kembara itu, Sarlinawati yang mula menjinakkan diri dengan dunia permotoran ketika berusia 18 tahun berkata beliau mahu menterjemahkan sokongan kepada pesakit kanser yang sedang berjuang atau yang telah berputus asa dalam melawan kanser kerana menganggap ia adalah noktah dalam kehidupan.

"Saya sendiri masih melawan penyakit ini dan perlu mendapatkan rawatan. Saya harap mereka terima mesej saya bahawa kita (pesakit kanser) perlu kuat dan sokong sesama kita.

"Jangan fikir kita bersendirian melawan kanser, kerana tanggapan ini 'bunuh' semangat kita," katanya yang positif masih ada insan yang ambil peduli tentang kebajikan pesakit kanser.

| | | | |
